

## **Gangguan bekalan air berjadual di Hulu Selangor 9-11 Ogos - Air Selangor**

Astro Awani

Ogos 5, 2022 10:10 MYT



Sebanyak 188 kawasan di daerah Hulu Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula 9 hingga 11 Ogos ini. -Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 188 kawasan di daerah Hulu Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula 9 hingga 11 Ogos ini.

Menurut Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), ini susulan kerja-kerja penambahaikan dan penyenggaraan aset di Loji Rawatan Air Sungai Rasa.

"Pelaksanaan kerja-kerja ini bakal menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di 188 kawasan di Wilayah Hulu Selangor bermula jam 9 pagi, 9 Ogos 2022 dan dijangka akan pulih sepenuhnya pada jam 1 pagi, 11 Ogos 2022.

"Pengguna dinasihatkan agar menyimpan air secukupnya untuk kegunaan seisi rumah dah pastikan semua bekalan simpanan air ditutup," katanya dalam satu kenyataan, pada Jumaat.